

ANALYSIS OF CONTENT PRESENTATION STYLE IN THE DOCUMENTARY FILM JEJAK RASUL

ANALISIS GAYA PERSEMBAHAN ISI DALAM FILEM DOKUMENTARI JEJAK RASUL

Juwairiah Hassan¹ & Siti Jamiaah Abd Jalil²

¹Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)

²Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstract

The use of documentary film as wasilah dakwah is considered suitable to easily convey various facts about Islam to the audience. However, there are studies that found that documentaries in Malaysia are not presented in a creative form, so documentaries do not gain the attention of television audiences in Malaysia. This paper analyzes the documentary Jejak Rasul, which has become an icon among documentaries on TV3 in the last 20 years. The aim of this study was to determine the methodology used to present the content of documentaries. In the study, only the documentary Jejak Rasul Ulul Azmi episode 'Mimpi Firaun' was analyzed, which was aired in Ramadan 2019. The results of the study revealed that the methodology used to present content in the documentary Jejak Rasul is in the form of thinking about something, in the form of a story, in comparative form, in the form of suggestions, and in indirect forms. The study also revealed that this documentary has the value of Da'wah, that is, glorifying Allah through the images, scripts and cinematography shown in the documentary.

Keywords: *Documentary Film, Da'wah, Content Presentation Style*

Abstrak

Penggunaan filem dokumentari sebagai wasilah dakwah dilihat mampu menyampaikan pelbagai fakta secara mudah tentang Islam kepada khalayak. Namun, terdapat kajian mendapati filem dokumentari di Malaysia tidak dipersembahkan dalam bentuk yang kreatif hingga menyebabkan filem dokumentari tidak mendapat perhatian khalayak televisyen di Malaysia. Makalah ini menganalisis filem dokumentari Jejak Rasul yang menjadi dokumentari ikonik untuk stesen televisyen TV3 sejak 20 tahun yang lepas. Objektif kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti metodologi yang digunakan untuk mempersembahkan isi kandungan dalam filem dokumentari. Skop kajian hanya menganalisis filem dokumentari Jejak Rasul Ulul Azmi episod 'Mimpi Firaun' yang ditayangkan pada bulan Ramadan 2019.

Perkembangan Artikel

Diterima: 07 April 2021

Disemak: 15 Januari 2022

Diterbit: 30 Januari 2022

Penulis Utama:

Juwairiah Hassan

Jabatan Dakwah

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

E-mel: juwairiah@unipsas.edu.my

Hasil kajian mendapati bentuk metodologi pada gaya persembahan isi yang digunakan dalam filem dokumentari Jejak Rasul ialah dalam bentuk memikirkan tentang sesuatu, dalam bentuk cerita, dalam bentuk perbandingan, dalam bentuk rangsangan dan dalam bentuk tidak langsung. Kajian juga mendapati dokumentari ini mempunyai nilai dakwah iaitu membesarkan Allah melalui visual, skrip dan sinematografi yang dipaparkan dalam dokumentari

Kata kunci: Filem Dokumentari, Dakwah, Gaya Persembahan isi

PENGENALAN

Isi kandungan program sama ada di media cetak, media elektronik atau media baru tidak akan mendapat sambutan sekiranya tidak dipersembahkan dengan gaya yang kreatif. Ia selari dengan pendapat Zulkiple (2002) yang menegaskan pendakwah yang mengetengahkan isi kandungan yang jujur bertujuan membina insan akan gagal bersaing jika persembahannya hambar dan tiada daya kreativiti dan rendah daya interaktiviti. Selain itu, tujuan utama penerbitan sesebuah rancangan di media elektronik atau media baru adalah untuk menarik perhatian khalayak penonton menonton program mereka. Hal ini selari dengan dakwah Islam yang berusaha untuk menarik perhatian *mad'u* kepada Islam. Ab Aziz Mohd Zin (1999) mengelaskan elemen tarikan perhatian (*attention*) dalam dakwah adalah terdiri dari elemen cantik, nyata dan jelas, mudah, berubah-ubah dan bergerak, berulang-ulang, pelik, tepat pada waktunya, menjinakkan, keperluan, ada hubungan dengan seseorang, membuka ufuk pemikiran dan mengemukakan alasan.

Rasulullah SAW menarik perhatian sasaran dakwah dengan menyampaikan dakwah Islam melalui media tertentu seperti khutbah nabi, tulisan serta surat. Islam menggalakkan umatnya menggunakan pemilihan media yang tepat dan bersesuaian dalam menyampaikan dakwah juga akan memberi tarikan dan kesan yang baik kepada sasaran. Muhammad Khair Ramadhan menyatakan bahawa media dakwah masa kini seperti video dan wayang gambar boleh digunakan dengan memberikan nafas baru yang sesuai dalam Islam. Apatah lagi dunia kini bergerak ke arah industri 4.0 yang memerlukan cara persembahan isi kandungan yang lebih kreatif dan inovatif bagi menarik minat audiens.

Apakah kriteria atau elemen yang diperlukan untuk menarik perhatian khalayak (*attention*) terhadap produk komunikasi yang dihasilkan? Millerson & Owens (2009) mendapati kebiasaannya penerbit program televisyen dapat menarik perhatian khalayak pada area tertentu seperti melalui kecerahan (mata cepat tertarik pada kawasan paling cerah pada skrin termasuk pencahayaan lampu, rekaan set dan kostum), fokus (mata cepat tertarik pada gambar yang jelas berbanding kabur), pergerakan (pergerakan boleh menarik perhatian contohnya seorang lelaki yang bangun berdiri dalam kalangan orang yang sedang duduk lebih cepat menarik perhatian) dan susuk dominan (peletakan subjek dalam posisi yang menonjol).

Namun, cabaran sebenar adalah apabila perlu mempersembahkan isi kandungan yang berbentuk fakta dan sejarah yang disifatkan sebagai membosankan jika tidak dipersembahkan dengan metode dan saluran media yang sesuai. Filem dokumentari dilihat mampu menjadi wasilah bagi menyampaikan dakwah Islam yang penuh dengan fakta dengan cara yang menghiburkan berbanding genre media lain. Berbanding filem cereka dan drama, filem dokumentari dikatakan mampu memberi maklumat, menghibur, mengkritik dan menjelaskan tentang seseorang personaliti, atau peristiwa kepada khalayak serta merupakan senjata dakwah paling berkesan pada masa kini kerana mampu menampilkan dan memperkukuh fakta tentang Islam dalam bentuk yang kreatif (Asiah Sarji et.al, 2009; Ubaidullah Mustafa, 2008).

Filem dokumentari pertama di dunia yang telah diterbitkan ialah *Nanook of the North* pada tahun 1922 (Aufderheide, Patricia, 2007). Robert J. Flaherty membawa penonton mengembara ke suatu lokasi yang tidak pernah dilihat sebelum ini iaitu melihat kehidupan sebuah keluarga di

Eskimo dengan hanya menonton filem dokumentari *Nanook of the North*. Industri filem dokumentari kemudian terus berkembang dengan pesat di seluruh dunia.

Kajian Ubaidullah Mustafa mendapati filem dokumentari berunsur keagamaan banyak membincangkan persoalan rukun Islam, rukun Iman, tasawuf dan tauhid. Filem dokumentari seperti Syahadah dan Jejak Rasul terbitan televisyen tempatan serta *The Revelations* terbitan *National Geographic Society* adalah antara beberapa contoh filem dokumentari berunsur keagamaan. Ia berperanan mengajak manusia untuk memahami intisari agama dan menjadi pengikut agama yang baik serta mengajak pada kebaikan dan mencegah pada kemungkaran.

Filem dokumentari juga merupakan sumber pengajaran secara tersurat atau tersirat. Ia merupakan wadah keintelektualan kerana mampu memberi kesan mendalam kepada penonton. Contohnya filem dokumentari berkaitan biografi tokoh yang berusaha mengajak audiens menuju jalan kejayaan melalui usaha yang bersungguh-sungguh seperti filem dokumentari bergenre biografi *When We Were King* (1996) yang berkisar tentang jatuh bangun kerjaya juara tinju bertaraf dunia iaitu Muhammad Ali. Begitu juga dengan beberapa contoh filem dokumentari berbentuk biografi seperti *The Eleanor Roosevelt Story* (1965), *Charlie: The Life and Art of Charlie Chaplin* (2003) dan *Raja dan Rakyat dipisah Jangan* (2006).

Filem Negara Malaysia (FNM) menjadi pelopor penerbitan filem dokumentari di Malaysia dan telah banyak menerbitkan filem semi dokumentari atau semi rencana yang turut dikenali sebagai filem kesedaran sosial. Matlamatnya ialah untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat, mengatasi masalah sosial, memperkuat semangat perpaduan dan soal-soal yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat. Filem jenis ini turut telah berkembang dengan pesat pada zaman selepas perang iaitu antara tahun 1945 hingga 1952 di Britain, Amerika Syarikat dan Itali (Raja Ahmad Alauddin 2004).

Sejak akhir-akhir ini, filem dokumentari berunsur dakwah rancak diterbitkan selepas fenomena siri dokumentari Jejak Rasul yang mendapat sambutan hangat oleh penonton di Malaysia. Pelbagai genre filem dokumentari mula diterbitkan seperti travelog, majalah dan dokudrama. Jejak Rasul, Syahadah, Ziarah dan beberapa tajuk lain dokumentari ditayangkan khusus di bulan Ramadan

Filem dokumentari Jejak Rasul merupakan antara pencetus kepada minat khalayak di Malaysia kepada program bertemakan sejarah Islam dan penyebaran agama Islam yang di bawa oleh Rasulullah SAW. Diterbitkan sejak tahun 1995, Jejak Rasul telah menjelajah Timur tengah, China, Afrika dan India untuk melihat sejarah Islam yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW (Norzaliza Ghazali et.al, 2018). Sehingga tahun 2019, Media Prima telah menerbitkan sebanyak 25 siri Jejak Rasul. Antaranya bertajuk '25 Rasul Dalam Islam', 'Satu Akidah Satu Sempadan', 'Mesir, Bumi Anbiya' dan yang terbaru pada tahun 2019 ialah Jejak Rasul 'Ulul Azmi'.

Walaupun filem dokumentari mampu menjadi wasilah menyampaikan dakwah serta merungkaikan pelbagai persoalan agama, namun terdapat kajian menunjukkan filem dokumentari terbitan produksi tempatan bermutu rendah kerana kurang penyelidikan, visual kurang menarik dan khalayak kurang menghargai filem dokumentari yang diterbitkan. Manakala pihak televisyen dilihat tidak banyak menayangkan filem dokumentari keluaran produksi tempatan kerana kualitinya rendah walhal terdapat slot khusus yang disediakan untuk penerbit tempatan (Megat Al-Imran Yaasin 2004). Hal ini berlaku kerana isi kandungan tidak dipersembahkan dengan menggunakan gaya persembahan yang sepatutnya.

Ab. Aziz Mohd Zin (2005) menyatakan bahawa terdapat 10 bentuk metodologi pada gaya persembahan isi iaitu pengertian, asas gaya persembahan, dalam bentuk memikirkan tentang sesuatu, dalam bentuk cerita, dalam bentuk perbandingan, dalam bentuk rangsangan, dalam bentuk contoh teladan yang baik (*Qudwah Hasanah*), dalam bentuk syair dan pantun, dalam bentuk pujukan dan dalam bentuk tidak langsung. Metodologi dakwah pula secara keseluruhan sebenarnya dibahagikan kepada metodologi berhubung dengan isi kandungan, metodologi pada gaya persembahan isi, metodologi berkait dengan saluran dan media.

Muhammad Khair Ramadan (1414H,69) menyatakan bahawa *percakapan yang sesuai*

untuk memberi kefahaman kepada sasaran merupakan uslub yang cantik. Ia seterusnya akan membawa pemikiran yang jelas, *kalimah percakapan fasih, susunan ayat selaras dan seimbang, bahasa yang digunakan indah, adanya keselarasan antara keindahan kandungan dan kecantikan bahasa, serta penggunaan perkataan* mampu memberi kesan kepada sasaran. Kepelbagaian asas persembahan juga mampu mempengaruhi sasaran dengan mudah seperti mukjizat al-Quran yang memberikan kesan menakutkan kepada manusia dengan ayat-ayatnya yang indah sehingga tiada seorang manusia pun yang dapat meniru atau menandingi keindahan bahasa al-Quran sehinggakan apabila membacanya seseorang itu kagum, insaf dan menenangkan fikiran (Ab. Aziz, 2005).

Seterusnya Ab. Aziz (2005) menggariskan metodologi dalam bentuk memikirkan tentang sesuatu. Manusia dikurniakan akal fikiran untuk berfikir dan tidak perlu terikat dengan peninggalan warisan hingga tidak mampu menerima atau menolak sesuatu perkara. Allah menjelaskan dalam Surah Al-Syuara' ayat 70-76 berkaitan kisah Nabi Ibrahim dan pengikut baginda yang mengikut nenek moyang secara membuta tuli sehinggakan baginda bertanya sudahkah mereka berfikir sebelum mengikut. Ini jelas menunjukkan kita tidak boleh mengikut sesuatu tanpa berfikir baik buruk kesannya kepada diri.

Metodologi dalam bentuk cerita pula banyak digunakan dalam al-Quran dan hadis dengan mengemukakan isi dalam bentuk cerita antaranya kisah Nabi Adam a.s dan Hawa, Kisah Nabi Musa a.s., Kisah Ashabul Kahfi, Kisah Luqman al-Hakim, Kisah Nabi Ibrahim dengan Namrud bin Kan'an dan sebagainya. Metode perbandingan memudahkan audiens untuk memahami perkara yang disampaikan. Malah Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim membuat perbandingan berkaitan orang yang sembahyang lima waktu adalah seperti orang yang mandi lima kali sehari. Contoh perbandingan yang mudah mampu memberi kefahaman kepada audiens.

Manakala metode dalam bentuk rangsangan ialah galakan melakukan kebaikan dengan menjanjikan perkara yang disukai sasaran selari dengan sifat dakwah iaitu mengajak kepada kebaikan. Manakala metode dalam bentuk Contoh Teladan Yang Baik pula ialah *mempersalahkan Islam melalui akhlak yang mulia sehingga adanya keselarasan antara apa yang dikatakan dengan apa apa yang dilaku dan diamalkan dalam kehidupan harian*. Nabi SAW pernah ditanya apa itu agama Islam dan baginda menjawab agama Islam adalah kebaikan akhlak.

Persembahan isi dalam bentuk syair dan puisi pula mampu menarik minat khalayak kerana syair dan puisi menyampaikan mesej dengan bahasa yang cantik seterusnya memberi kesan yang sangat besar kepada jiwa manusia. Seterusnya dalam bentuk pujukan yang dilakukan dengan lemah lembut pastinya memikat hati audiens yang menonton. Allah menjelaskan melalui ayat Surah al-Nisa:104 supaya tidak gentar melawan musuh dengan alasan keperitan lebih dirasai oleh pihak musuh. Pujukan daripada Allah membantu menguatkan umat Islam ketika itu. Persembahan isi secara tidak langsung pula sangat diperlukan memandangkan sifat manusia yang tidak suka ditegur secara terus kerana ego yang tinggi. Ia selari dengan kisah Nabi Muhammad SAW yang tidak menegur seorang perempuan yang melakukan kesalahan meratap di kubur namun sebaliknya baginda menyuruh perempuan tersebut bertakwalah kepada Allah dan bersabarlah. Makalah ini hanya mengkaji metodologi pada gaya persembahan isi memandangkan telah ada kajian berkaitan isi kandungan Jejak Rasul dilakukan (Norzaliza Ghazali et.al, 2018). Objektif kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti metodologi yang digunakan untuk mempersalahkan isi kandungan dalam filem dokumentari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan filem dokumentari melalui tontonan di saluran *Youtube*. Hanya satu episod dokumentari Jejak Rasul dipilih untuk tontonan bagi menganalisis secara terperinci dokumentari ini. Episod Jejak Rasul 'Ulul Azmi' yang paling tinggi jumlah tontonannya di laman *Youtube* dipilih untuk analisis. Terdapat enam episod dokumentari Jejak Rasul Ulul Azmi yang dimuat naik di saluran *Youtube* rasmi milik TV3 iaitu TV3MALAYSIA Official. Episod pertama mendapat 96 ribu tontonan manakala episod kedua

tidak dimuat naik. Episod ketiga dengan 362 ribu tontonan, episod keempat 96 ribu tontonan, episod kelima 59 ribu tontonan dan episod keenam 60 ribu tontonan. Episod ketiga bertajuk 'Mimpi Firaun' dipilih untuk kajian kerana mendapat tontonan paling tinggi iaitu sebanyak 362 ribu tontonan dan komen paling banyak iaitu sebanyak 444 komen.

Dokumentari Jejak Rasul Ulul Azmi yang ditayangkan pada bulan Ramadan tahun 2019 dipilih memandangkan kemudahan akses untuk tontonan iaitu di saluran *Youtube*. Kelebihan menonton secara berulang-ulang tanpa perlu memohon keizinan membuatkan saluran *Youtube* dipilih berbanding meminta izin tontonan di stesen televisyen terlibat. Asiah Sarji et al, 2009 turut menyatakan berlaku masalah jika hanya mengharapkan video dari syarikat produksi yang dikaji kerana tidak semua syarikat memberikan video untuk dikaji.

Tontonan dilakukan secara berulang-ulang untuk memeriksa secara teliti teknik yang terlibat. Kaedah tontonan ini dilakukan untuk mentranskrip dialog narator secara keseluruhan. Transkrip dialog secara keseluruhan diperlukan supaya mudah apabila analisis dilakukan yang akan dikodkan mengikut durasi masa pada video Jejak Rasul. Tontonan kali pertama dilakukan untuk mendapatkan kesan keseluruhan karya sebagai seorang penonton biasa. Manakala tontonan seterusnya bertujuan meneliti isi kandungan dan kehadiran elemen yang dikaji. Jejak Rasul 'Ulul Azmi' episod tiga berdurasi 20 minit 47 saat termasuk montaj, *teaser* dan *end credit* dan dimuat naik tanpa iklan. Analisis dibuat berpandukan metodologi pada gaya persembahan isi oleh Ab. Aziz Mohd Zin (2005).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis isi kandungan melalui tontonan filem dokumentari Jejak Rasul Ulul Azmi episod ketiga mendapati hanya ada lima metodologi persembahan gaya isi yang digunapakai iaitu dalam bentuk memikirkan tentang sesuatu, dalam bentuk cerita, dalam bentuk perbandingan, dalam bentuk rangsangan, dan dalam bentuk tidak langsung.

Jejak Rasul Ulul Azmi merupakan penerus kepada siri Jejak Rasul yang telah lama bertapak dalam industri dokumentari Malaysia. Siri ini memfokuskan tentang salah seorang nabi Ulul Azmi iaitu Nabi Musa a.s. Keseluruhan siri ini dirakamkan di negara Mesir selain mendapatkan pandangan pakar dari dalam dan luar Negara.

Episod 'Mimpi Firaun' yang dipilih untuk analisis menceritakan siapa sebenarnya Firaun. Terdapat beberapa fakta yang mengejutkan dalam episod ini hingga menarik ramai perhatian audiens. Walhal kebanyakan dokumentari sejarah kebiasaannya sukar mendapat perhatian khalayak. Namun gaya penceritaan santai dengan sinematografi menarik sekitar piramid membuatkan ramai khalayak terpaksa menonton episod ini melalui observasi yang dibuat pada komen penonton di saluran *Youtube*.

Fakta yang paling menarik ialah pertama tentang piramid yang terletak di Giza dan kedua tentang Firaun. Ramai penonton tidak mengetahui bagaimanakah keadaan sebenar di dalam piramid. Pihak produksi merakam dengan terperinci setiap aspek yang ada dari lubang sempit menuju ke puncak hinggalah kepada syaf udara yang membantu pengunjung untuk bernafas dalam piramid yang sempit. Malahan video mumia dirakam beberapa kali bagi menceritakan pemilik mumia tersebut. Fakta yang paling mengejutkan ialah bukan semua raja Mesir memakai gelaran Firaun. Malahan pemilik piramid digelar Raja Khufu dan bukannya Firaun. Para sarjana dan ilmuan berbeza pendapat siapakah Firaun yang mengejar Nabi Musa a.s sehingga ditenggelamkan di Laut Mati. Ada pendapat mengatakan ia adalah anak Ramses ke-2 berdasarkan kandungan garam yang banyak pada badan mumia tersebut. Namun sehingga kini persoalan ini masih belum terjawab.

Penggunaan muzik latar yang sesuai sangat penting bagi membina *mood* audiens terhadap isi kandungan yang disampaikan. Pengacara iaitu Fedtri Yahya menggunakan bahasa yang mudah difahami audiens sekaligus bagi membawa audiens bersama meneroka ke dalam piramid. Fakta yang aneh dan pelik berkaitan piramid adalah sesuatu yang baru bagi audiens. Ia bertepatan dengan pendapat Achmad Mubarak (dalam Juwairiah Hassan, 2013) bahawa penonton cepat tertarik dengan perkara yang baru selain benda yang bergerak-gerak dan tidak statik. Kedudukan Fedtri

Yahya yang bergerak-gerak dan menyentuh objek piramid ketika mengacarakan dokumentari secara tidak langsung menimbulkan minat audiens kepada isi kandungan dokumentari yang sedang disampaikan. Malah persoalan yang diulang-ulang oleh Fedtri adalah *selari dengan sifat al-Quran yang menceritakan kisah yang sama berulang-ulang supaya apa yang disampaikan cepat tersemat dalam hati* (Juwairiah, 2013).

Dalam Bentuk Memikirkan Tentang Sesuatu

Metodologi dalam bentuk memikirkan tentang sesuatu merupakan bentuk ketiga terbanyak yang digunakan iaitu sebanyak lima kali. Antaranya ialah penggunaan ayat soal seperti “*Apakah bahan yang digunakan untuk mencantumkan begitu cantik dan sempurna dengan utuh setiap susunannya.*”. Ayat ini jelas menggambarkan Fedtri sedang memikirkan bagaimana piramid yang sebegini hebat dapat dibina pada zaman yang masih belum menggunakan teknologi pembinaan yang maju seperti hari ini. Malah beliau turut mengajak audiens berfikir adakah piramid yang beliau lawati di Giza ini mempunyai kaitan dengan Nabi Musa a.s. perbuatan bertanya kebiasaannya memerlukan jawapan dan Fedtri menyerahkan kepada audiens untuk berfikir dan bukan sekadar menonton dokumentari ini bagi memperoleh jawapan.

Jadual 1: Elemen Metodologi Dalam Bentuk Memikirkan Tentang Sesuatu

NO	DURASI	VIDEO	AUDIO
1	2:40-2:46	Lelaki naik tangga piramid	Berada di dalamnya semakin banyak persoalan yang muncul.
2	2:49-2:57	Fedtri Yahya	“Apakah bahan yang digunakan untuk mencantumkan begitu cantik dan sempurna dengan utuh setiap susunannya.
3	3:38-3:46	Royal mummies room	Adakah piramid di Giza mempunyai kaitan dengan Nabi Musa a.s.
4	3:47-3:54	Fedtri melihat mumia Ramses	“Timbul persoalan adakah Firaun ini Ramses yang berkuasa ketika zaman Nabi Musa a.s.”
5	7:53-8:46	Fedtri merangkak masuk ke bilik dalam piramid	“Piramid sememangnya misteri. Binaannya melangkaui kemampuan teknologi moden. Ramai yang mempersoalkan termasuk pengkaji-pengkaji bagaimana dibawa batu granit seberat 70 tan ke bilik ini dan setiap susunan batu itu kalau anda perhatikan bagaimana ia dapat bercantum. Apakah bahan yang digunakan untuk mencantumkan begitu cantik dan sempurna dan utuh akan susunannya. Dan juga dalam ini ada tempat meletakkan mumia Firaun. Tetapi ketika awal penemuannya tidak dijumpai sebarang mumia Firaun yang memerintah. Tiada penutupnya yang tinggi. Yang ada bilik ini sahaja yang utuh kekal misteri sepanjang zaman. Juga menjadi

kebingungan kepada pengkaji untuk meleraikan persoalan piramid dan firaun ini. ”

Dalam Bentuk Cerita

Metodologi ini antara yang paling banyak digunakan iaitu sebanyak 12 kali. Kekerapan menggunakan metode ini boleh difahami berikutan tujuan utama dokumentari ialah untuk menceritakan dan melaporkan realiti kewujudan alam, kehidupan dan manusia dan sebarang unsur yang berkaitan dengannya dalam bentuk audio visual (Carl Rollyson, 2004). Persembahan dalam bentuk cerita kebiasaannya digemari pelbagai golongan masyarakat. Contohnya Fedtri bercerita tentang piramid melalui ayat *“Saya menemui lubang atau shaf udara yang awal. Shaf udara itu rahsia pengunjung tidak lemas di dalam piramid ini . Ia juga disebut shaf bintang. Dinamakan shaf bintang kerana jurutera piramid boleh melihat bintang melalui piramid itu. Ia sebagai panduan menetapkan piramid yang sedang dibina”*. Jelas ayat ini menceritakan perkara baru yang tidak diketahui oleh audiens iaitu adanya shaf udara yang membantu pernafasan dalam piramid. Ia sekaligus menjawab persoalan audiens selama ini bagaimana keadaan di dalam piramid.

Jadual 2: Elemen Metodologi Dalam Bentuk Cerita

NO	DURASI	VIDEO	AUDIO
1	1:46-2:36	Perjalanan dari luar piramid ke dalam piramid.	Piramid di hadapan saya ini begitu menakutkan. Lebih dua juta bongkah batu diperlukan untuk menyiapkannya. Purata batu itu sebanyak 2.5 tan. Pada tahun 2010 lebih dua juta pelancong datang ke mesir melihat binaan ikonik itu yang menjadi salah satu dari tujuh keajaiban dunia. Bukan sekadar gabungan batu batan, piramid adalah bukti kecanggihan ilmu dan wawasan kukuh raja yang memerintah ketika itu. Berteman rakan penterjemah ...saya cuba dapatkan sebanyak mungkin maklumat binaan purba ini dari segi zahir dan batinnya
2	3:57-4:02	Lawatan dalam bilik mumia	Mumia berusia lebih 300 tahun ini disahkan sebagai Ramsis ke-2.
3	4:03-4:09	Wawancara Ustaz Muhadir Haji Joll Bidang Tafsir & Hadis	Firaun merupakan raja yang memerintah mesir pada zaman Nabi Musa iaitu Ramses atau Ramsis II.
4	4:45-4:56	Pasar Mesir	Mesir digelar Ardu Kinanah. Perbendaharaan atau busur anak panah. Tafsiran itu mempunyai pelbagai makna.
5	6:09-6:53	Fedtri memandang Piramid	Hasrat menghubungkan rohnyanya ke langit mendorong Raja Khufu raja mesir purba dinasti ke-4 membina piramid seperti yang dilihat hari ini. Binaan makam diraja itu berdiri teguh meninggalkan impak

			sepanjang zaman..Darjah ketepatannya sangat menakjubkan. Institusi raja mesir purba terbahagi kepada 30 dinasti dan tidak semua dinasti menggunakan gelaran firaun. Fakta itu kurang diambil peduli. Umumnya gelaran Firaun ditujukan kepada semua raja mesir.
6	9:10-9:40	Fedtri pandang keluar dari lubang syaf	Saya menemui lubang atau shaf udara yang awal. Shaf udara itu rahsia pengunjung tidak lemas di dalam piramid ini . Ia juga disebut shaf bintang. Dinamakan shaf bintang kerana jurutera piramid boleh melihat bintang melalui piramid itu. Ia sebagai panduan menetapkan kedudukan piramid yang sedang dibina.
7	9:48-9:55	Detail shot piramid	Kajian arkeologi membuktikan piramid di Giza terbina lebih 1300 tahun sebelum zaman nabi Musa as.
8	11:57-12:12	Detail shot mumia	Ramsis 2 sangat terkenal dari segi kezaliman, kekuasaan, pemilikan harta, pangkat kewibawaan banyak dimiliki oleh Ramsis 2 ini.
9	12:13-12:38	Detail shot mumia	Firaun ini ditemui pada tahun 1881 tetapi balutan mayatnya dibuka setelah 5 tahun kemudian. Dia disahkan sebagai Ramses ke2. Namun pakar sejarah berbeza pendapat adakah dia Firaun pada zaman nabi Musa a.s.
10	16:04-16:23	Grafik api bergerak	Antara Ramses dan Menerbtah yang bermimpi api bergerak dari Mesir menuju ke baitulmaqdis lalu membakar segalanya. Api itu turut membakar penduduk Mesir. Hanya Kaum Bani Israel sahaja terselamat. Tafsiran itu petanda buruk buat Firaun.
11	16:32-17:10	Interview Ust Mahadi Hj Joll	Nanti akan lahir ada seorang anak lelaki yang berasal dari Bani Israel yang akan memimpin Bani Israel ini di Mesir dan akan menawan kerajaan Mesir. Itulah yang menakutkan Firaun sehingga nanti Firaun membuat satu perintah yang sangat menakutkan perempuan-perempuan Bani Israel yang ada di Mesir ketika itu.
12	18:06-18:23	Establish shot Bendera Mesir	Kekejaman Firaun dirakam dalam al-Quran serta kitab-kitab perjanjian lama agama Kristian dan Yahudi. Mimpi Firaun mencetuskan konflik antara sang raja dan

Nabi Musa a.s. serta kaum Bani Israel di bumi Mesir.

Dalam Bentuk Perbandingan

Metode dalam bentuk perbandingan turut mencatat jumlah kekerapan yang tinggi iaitu sebanyak 12 kali sama seperti bentuk cerita. Dalam dokumentari ini Fedtri membuat perbandingan keutuhan piramid walau tamadun Firaun telah lama berakhir melalui ayat “*Piramid Agung Khufu terus utuh di laman Giza ini walau tamadun Firaun telah lama berakhir*”. Piramid yang kekal utuh dibandingkan dengan era pemerintahan yang telah berakhir dapat memberi perbandingan yang jelas kepada audiens. Malah ayat “*kesan Arab Spring pada tahun 2011 hingga 2013 memberi impak besar kepada Negara Mesir. Suasana ini tidak dilihat dalam tempoh konflik itu. Berbeza suasana di Mesir purba saat Nabi Musa as lahir ke dunia. Setiap anak Bani Israel yang lahir ke dunia dibunuh Firaun durjana.*” jelas menunjukkan perbezaan zaman ketika Nabi Musa a.s lahir dan waktu kini.

Jadual 3: Elemen Metodologi Dalam Bentuk Perbandingan

NO	DURASI	VIDEO	AUDIO
1	01:28-1:36	Establish shot piramid	Piramid Agung Khufu terus utuh di laman Giza ini walau tamadun Firaun telah lama berakhir
2	4:37-4:43	Establish shot Mesir waktu pagi	Mentari pagi semakin membahang dikala musim dingin ardu kinanah tiba dipenghujungnya.
3	7:02-7:26	Perjalanan ke Piramid melalui terowong sempit	Pemilik piramid ini sendiri tidak memakai gelaran Firaun sebaliknya gelar Raja Kufu. Piramid Khufu Piramid terbesar di Giza terbina hamper 5000 tahun yang lalu. Walau berada dalam binaan tertutup, pengunjunnya tidak lemas , di antara keajaiban makam ini.
4	10:18-10:51	Detail shot muzium	Merujuk sebuah buku terbitan muzium British, gelaran Firaun digunakan bermula dinasti ke 18 dan seterusnya. Nabi Musa dipercayai hidup dalam dinasti ke 19. Kitab suci al-Quran juga tidak menyebut Firaun dalam kisah Nabi Yusuf a.s. kerana baginda hidup ketika dinasti ke 12 tetapi al-Quran menyebut Firaun dalam kisah Nabi Musa a.s
5	13:48-14:16	Detail shot makam	Inilah anak Ramsis ke2 Firaun Menerbtah dia juga digelar Firaun Nabi Musa berdasarkan kandungan garam yang tinggi pada mumia itu kesan dari air laut yang melepaskannya.

				Berbanding anaknya, Ramsis ke 2 lebih popular sebagai Firaun Nabi Musa. tetapi pakar kaji purba dari Cairo University menafikan Ramses ke2 ialah Firaun yang mengejar Nabi Musa.
6	14:50-15:08	Suasana dalam muzium		Mesir dilanda bencana sebelum Nabi Musa diburu Firaun seperti mana dalam al-Quran dan kitab Injil. Tetapi bagi Dr Khalid tiada bencana yang berlaku pada era Rameis 2. Oleh itu dia menafikan Ramsis, Firaun Nabi Musa.
7	15:11-15:24	Patung-patung dalam muzium	dalam	Tiada kata sepakat menentukan siapa Firaun dizaman Nabi Musa tetapi para ilmuan bersetuju Firaun ketika itu dihantui mimpi buruk sebelum Nabi Musa as dilahirkan.
8	15:38-15:54	Establish shot muzium Detail shot dalam muzium		Di dalam muzium negara ini terdapat hampir 200 ribu tinggalan sejarah Mesir purba. Pengunjungnya tertumpu ke bilik mumia yang menempatkan mumia Firaun ke2 dan anaknya Menerbtah.
9	17:12-18	Detail shot dinding piramid		Kamar diRaja Firaun yang hangat menjadi dingin setelah mimpi Negara Mesir terbakar menghantui hidupnya.
10	17:32-17:55	Grafik Firaun		Firaun mengarahkan setiap bayi lelaki dari kaum Bani Israel hendaklah dibunuh. Tentera Firaun memburu wanita bani Israel yang melahirkan anak lelaki. Sementara lelaki dewasa dijadikan sebagai pekerja untuk membina piramid serta bangunan tinggi.
11	17:58-18:00	Detail replika Mesir kuno membina Piramid		Hidup bani Israel dicengkam derita juga sengsara. Ketika itu Allah mentakdirkan Nabi Musa as lahir ke dunia.
12	19:18-19:28	Budak main bola		Kesan Arab Spring pada tahun 2011 hingga 2013 memberi impak besar kepada Negara Mesir. Suasana ini tidak dilihat dalam tempoh konflik itu.
				Berbeza suasana di Mesir purba saat Nabi Musa as lahir ke dunia. Setiap anak Bani Israel yang lahir ke dunia dibunuh Firaun durjana.

Dalam Bentuk Rangsangan

Dakwah adalah satu perbuatan mengajak manusia ke jalan kebaikan dan menjauhkan diri dari

perkara mungkar. Metodologi ini turut dimasukkan dalam dokumentari Jejak Rasul melalui ayat “*Secara umumnya masyarakat hanya mengetahui tentang Firaun sedangkan Firaun itu mempunyai salasilah yang panjang dalam fasa pemerintahan yang tersendiri. Hal ini cukup penting kerana saling kaitannya dengan sirah rasul dan mesej Allah kepada manusia maklumat yang tidak terdapat di papan tanda atau risalah pelancongan. Segalanya perlu ditekuni dan ditadabbur secara mendalam.*” Jelas Fedtri mengajak audiens menekuni dan meneliti secara mendalam kisah Firaun melalui episod ini supaya dapat lebih memahami sirah rasul sepertimana mesej yang telah Allah S.W.T turunkan dalam al-Quran. Walaupun hanya dua kali kekerapan penggunaan metodologi bentuk rangsangan namun, perbuatan ini mampu mengingatkan manusia bagaimana balasan kejahatan dan kekejaman Firaun sehinggakan taubatnya pada saat akhir tidak lagi diterima oleh Allah S.W.T kerana telah terlambat. Sekiranya manusia lalai dan terlalu mengikut hawa nafsu nescaya akan menerima nasib seperti Firaun yang matinya bukan dalam agama Hanif. Semua kisah ini sangat memberi pengajaran dan iktibar kepada audiens yang mengambil iktibar.

Jadual 4: Elemen Metodologi Dalam Bentuk Rangsangan

NO	DURASI	VIDEO	AUDIO
1	03:00-3:30	Fedtri dalam muzium	Secara umumnya masyarakat hanya mengetahui tentang Firaun sedangkan Firaun itu mempunyai salasilah yang panjang dalam fasa pemerintahan yang tersendiri. Hal ini cukup penting kerana saling kaitannya dengan sirah rasul dan mesej Allah kepada manusia maklumat yang tidak terdapat di papan tanda atau risalah pelancongan. Segalanya perlu ditekuni dan ditadabbur secara mendalam.
2	19:29-19:30		Aksi pemain cilik di akademi ini menzahirkan kestabilan Negara penting untuk membina generasi baru.

Dalam Bentuk Tidak Langsung

Seperti bentuk rangsangan, metodologi persembahan isi dalam bentuk tidak langsung juga hanya digunakan sebanyak dua kali sahaja. Fedtri menegur khalayak audiens secara tidak langsung melalui ayat “*Anak-anak ceria dengan sukan kegemaran mereka. Ia menggambarkan kestabilan politik Mesir hari ini.*” Tanpa politik yang stabil dalam Negara, bolehkah kanak-kanak bermain riang seperti yang digambarkan? Oleh itu semua pihak wajib menjalankan tanggungjawab untuk memelihara keharmonian dalam Negara supaya tidak berlaku peperangan dan kacau bilau.

Jadual 5: Elemen Metodologi Dalam Bentuk Tidak Langsung

NO	DURASI	VIDEO	AUDIO
1	18:38-18:46	Budak main bola	Anak-anak ceria dengan sukan kegemaran mereka. Ia menggambarkan kestabilan politik Mesir hari ini.

2	18:47-19:07	Fedtri	“Hari ini kami diundang oleh pemandu kami untuk melihat aksi pemain cilik. Bolasepak sangat popular di Mesir. Mereka ramai pemain hebat. Nak lihat mereka beraksi. Mungkin saya pun akan turut serta.”
---	-------------	--------	--

KESIMPULAN

Melalui analisa yang dilakukan, episod ‘*Mimpi Firaun*’ hanya menggunakan lima bentuk metodologi pada gaya persembahan isi kandungannya. Lima metodologi tersebut ialah dalam bentuk memikirkan tentang sesuatu, dalam bentuk cerita, dalam bentuk perbandingan, dalam bentuk rangsangan dan dalam bentuk tidak langsung. Ini kemungkinan kerana filem dokumentari kebiasaannya mengutarakan fakta dan bersifat semi formal atau mengutarakan isu yang serius sehingga tidak memungkinkan adanya penggunaan metodologi pada gaya persembahan isi dalam bentuk pujukan serta dalam bentuk Syair dan Pantun. Metode dalam bentuk Contoh Teladan yang Baik (*Qudwah Hasanah*) pula tidak sesuai diutarakan kerana berkisar kisah Firaun yang terkenal kerana kezaliman dan kekejaman kepada Bani Israel. Kemungkinan besar beberapa metode ini sesuai digunakan dalam episod yang lain atau dalam dokumentari dengan topik yang lain.

Banyak ibrah yang boleh diambil melalui episod ‘*Mimpi Firaun*’. Pihak produksi berjaya menimbulkan pelbagai persoalan yang akhirnya perlu dijawab oleh audiens yang menonton. Jelas di sini isi kandungan yang baik jika dipersembahkan dengan gaya yang betul dan kreatif mampu membuatkan audiens menonton sehingga ke penghujung rancangan walaupun program yang disiarkan sarat dengan fakta berkaitan sejarah. Jejak Rasul ‘Ulul Azmi’ telah membuktikan bahawa dokumentari berbentuk sejarah Islam mampu dipersembahkan dengan gaya yang menarik.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. (1996). *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Achmad Mubarak. 2002. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus, cet.3.
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, Shamsubaridah Ramlee. 2009. *Industri Dokumentari di Malaysia: Isu dan Hala Tuju*. Ampang: Finas.
- Aufderheide, Patricia. 2007. *Documentary Film: A Very Short Introduction*. New York: Oxford University Press, Inc.
- Carl Rollyson. 2004. *Documentary Film: A Primer*. Lincoln: iUniverse.
- Gerald Millerson & Jim Owens. 2009. *Television Production*. UK: Focal Press.
- Ibrahim Jamaluddin. 2004. *Persoalan Ontologi dan Epistemologi dalam Teks Dokumentari, Jurnal Skrin*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): Universiti Teknologi Mara. Vol.1.
- Megat al-Imran Yasin. 2004. *Political Economy of Malaysian Documentary Production*, The School of Journalism, Media and Cultural Studies, University of Cardiff Wales, United Kingdom.
- Muhammad Khair Ramadan Yusuf. 1414H. *Al-Da’wah al-Islamiyah al-Wasail wa al-Asalib*, Riyadh.
- Norzaliza Ghazali, Azman Md Zain, Mohd Nizho Abdul Rahman. 2018. *Filem Dokumentari Jejak Rasul Pencetus Inkuiri Masyarakat Malaysia Dalam Memahami Sejarah Islam. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*.
- Raja Ahmad Alauddin. 2004. *Penerbitan Filem Dokumentari: Satu Tinjauan Terhadap Perkembangan Sejarah dan Teknologi. Jurnal Skrin Malaysia, 1*.
- Ubaidullah Mustaffa. 2008. *Prinsip Filem Dokumentari: Penilaian, Penceritaan & Kritikan*. Selangor: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia [FINAS].
- Zulkiple Abd Ghani. 2002. *Cabaran Dakwah Islam di Era Siber. Jurnal Usuluddin, 15*.

